

**DEWAN  
NEGARA  
(SOALAN LISAN)**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT**

**TARIKH** : **22.7.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan purata murid yang sesuai untuk sesebuah sekolah, dan bilakah Kerajaan akan memulakan sekolah satu sesi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan infrastruktur yang kondusif bagi semua murid. Norma murid adalah 30 – 35 orang murid dalam sebuah kelas. Dalam perancangan pembinaan sesebuah sekolah baru, brif projek sekolah rendah dan sekolah menengah dibahagi mengikut modul bilik darjah (BD) iaitu:

<b>Sekolah</b>	<b>Modul</b>					
<b>Sekolah Rendah</b>	6BD	12BD	18BD	24BD	30BD	36BD
<b>Sekolah Menengah</b>	12BD	18BD	24BD	30BD	36BD	42BD

Purata maksimum sebuah sekolah rendah adalah 1,260 murid yang melibatkan Modul 36 bilik darjah manakala purata maksimum sesebuah sekolah menengah adalah 1,470 murid yang melibatkan modul 42 bilik darjah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Januari 2013 terdapat 8,651 buah sekolah beroperasi dalam satu sesi manakala 1,432 buah sekolah beroperasi dalam 2 sesi. Antara kekangan dalam melaksanakan sekolah satu sesi ialah:

- i. Peruntukan yang tinggi untuk menambah bilangan bilik darjah;
- ii. Masalah pengambilan tanah untuk membina bangunan tambahan, terutama di kawasan bandar;
- iii. Kawasan sekolah yang terlalu kecil yang tidak boleh menampung bilangan murid yang ramai; dan
- iv. Terdapat tuntutan ibubapa supaya anak mereka mengikuti Sekolah Agama yang dikelolakan oleh Kerajaan Negeri.

Njm 01

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian atas usaha memperkasakan Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan nasional sebagaimana termaktub dalam Laporan Razak dan Akta Pendidikan 1961 iaitu pendidikan negara perlu diseragamkan kepada semua kaum melalui penggunaan satu bahasa, iaitu Bahasa Melayu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar pendidikan, sebagaimana gagasan Penyata Razak 1956 yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), dan Akta Pendidikan 1996 (Akta A550). Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi yang menjadi alat perhubungan utama di Malaysia. Bahasa Melayu adalah bahasa pengantar utama di Sekolah Kebangsaan dan sekolah menengah. Mata pelajaran Bahasa Melayu juga merupakan mata pelajaran teras di semua peringkat persekolahan.

Semua institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia, dengan pengecualian Universiti Teknologi MARA (UiTM) (Bahasa Inggeris), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) (Bahasa Inggeris) dan Universiti Sains Islam Malaysia (Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris), diwajibkan menggunakan bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar rasmi di IPTA. Ini adalah seperti mana yang termaktub dalam Akta Bahasa Kebangsaan 1963 yang menyatakan bahawa bahasa Kebangsaan hendaklah digunakan bagi maksud rasmi. Penggunaan bahasa Kebangsaan dalam konteks ini meliputi bahasa pengantar rasmi dalam kuliah, tutorial, peperiksaan dan juga penulisan kertas berbentuk

ilmiah, di samping dalam urusan surat-menyurat rasmi IPT dengan Agensi Kerajaan yang lain.

Bagi institusi pengajian tinggi swasta (IPTS), Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (AKTA 555) telah memperuntukkan Seksyen 41(1) yang mewajibkan semua IPTS yang berdaftar di bawah KPM hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar dalam mengendalikan kursus pengajian. Namun demikian, terdapat juga IPTS yang menggunakan bahasa pengantar selain daripada bahasa kebangsaan dengan kelulusan daripada Y.B. Menteri.

KPM akan terus memperkasakan peranan bahasa Kebangsaan sebagai alat perpaduan melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Njm 02

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**  
**TARIKH : 22.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar baru Kementerian dalam usaha memartabatkan Bahasa Kebangsaan terutamanya dalam usaha menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai alat perpaduan rakyat Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, bahasa rasmi, bahasa perpaduan dan bahasa pengantar pendidikan. Antara usaha yang dijalankan oleh KPM untuk memartabatkan bahasa Kebangsaan ialah;

- i. Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris.
- ii. Meningkatkan profisiensi bahasa Malaysia murid melalui anjakan kedua, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013- 2025.
- iii. Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) untuk guru bukan opsyen Bahasa Malaysia di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- iv. Program peningkatan profesionalisme guru Bahasa Malaysia.
- v. Komponen sastera dalam bahasa Malaysia untuk sekolah menengah (KOMSAS).
- vi. Penguasaan bahasa Malaysia melalui Program LINUS (sekolah rendah) dan Program PROBIM (sekolah menengah).
- vii. Kelas Pemulihan Bahasa Malaysia bagi murid Tahun 4 hingga Tahun 6 di Sekolah Jenis Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di peringkat pengajian tinggi Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu diguna pakai bagi memperkasa bahasa kebangsaan. Pelan ini sejajar dengan keperluan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkasakan Penguasaan Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang telah dimulakan sejak tahun 2012. Pelbagai aktiviti bagi memartabatkan bahasa Melayu tinggi turut dilaksanakan bagi memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga institusi pengajian tinggi dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan alat bagi menyatupadukan rakyat Malaysia.

Njm 03

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pandangan Kementerian terhadap cadangan untuk mewujudkan semula sekolah aliran Inggeris (English Medium School).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih mengekalkan aliran Bahasa Kebangsaan dalam mana-mana sistem persekolahan kebangsaan KPM kecuali di Sekolah Jenis Kebangsaan. KPM perlu meneliti secara mendalam sejauh mana cadangan mewujudkan sekolah aliran bahasa Inggeris praktikal untuk dilaksanakan. Namun begitu, penggunaan bahasa Inggeris tidak pernah dipinggirkan malah mata pelajaran tersebut merupakan salah satu mata pelajaran teras yang diajar di semua sekolah. KPM juga sedang melaksanakan beberapa strategi untuk meningkatkan penguasaan murid dalam bahasa Inggeris melalui Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI).

Njm 04



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK JAMILAH SULAIMAN**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membentuk satu mekanisme baru yang mampu mengatasi isu sistem persekolahan vernakular yang dilihat tidak berupaya memupuk perpaduan kaum di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep sekolah vernakular merujuk kepada “vernacular school” yang dinyatakan dalam Ordinan Pelajaran 1952 (**Education Ordinance 1952**) yang menyatakan:

“ vernacular school “ means a school which is not a national school  
and in which the principal medium of instruction is a vernacular language”.

Sehubungan itu, buat masa ini Kementerian Pendidikan Malaysia tidak bercadang untuk mengkaji semula dasar sekolah vernakular sebaliknya akan berusaha untuk merapatkan jurang antara sekolah-sekolah yang ada di negara ini demi memastikan matlamat memupuk perpaduan nasional melalui pendidikan akan tercapai.

Njm 05

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. LUCAS UMBUL**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dr. Lucas Umbul** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru-guru dari suku kaum Murut di negeri Sabah yang berada dalam kategori JUSA, DG54, DG52, DG48, DG44 dan DG41. Bagaimana Kementerian dapat membantu golongan ini yang sering kali tercicir dalam kenaikan pangkat walaupun mereka layak seperti mana yang terkandung dalam iklan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah (PPPS) yang memenuhi syarat mempunyai peluang yang sama rata untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran (LKPPP) dalam urusan pemangkuan dan kenaikan pangkat tanpa mengira kaum dan jantina. Sehubungan itu, PPPS dan Ketua Jabatan perlu sentiasa peka dengan pelaksanaan urusan-urusan pemangkuan/kenaikan pangkat yang disiarkan melalui laman web dan surat siaran yang diedarkan dari masa ke semasa.

Bagi calon-calon yang memenuhi syarat dan telah diluluskan pemangkuan oleh LKPPP atau calon-calon yang telah berada di atas gred yang setara, boleh mengisi jawatan-jawatan kenaikan pangkat tersebut. Mesyuarat Jawatankuasa Penempatan/Pertukaran di peringkat negeri akan mencadangkan calon-calon bagi mengisi jawatan-jawatan tersebut kepada Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) selaku Ketua Perkhidmatan untuk pertimbangan dan kelulusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan guru dari suku kaum Murut mengikut gred dan sekolah adalah seperti berikut:

GRED	SMK	SK
	KAUM MURUT	KAUM MURUT
JUSA	0	0
DG54	0	0
DG52	0	0
DG48	8	0
DG44	49	9
DG41	78	137
<b>JUMLAH</b>	<b>146</b>	<b>135</b>

*Data diambil daripada janaan laporan EMIS pada 16 Julai 2013 dan bilangan ini hanya melibatkan kaum Murut yang lahir di Sabah sahaja.*

Njm 06

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan IPTA-IPTA yang menawarkan kursus perubatan serta statistik pengambilan pelajar dari 2008 hingga 2013 mengikut pecahan bangsa. Antaranya, berapakah pelajar yang ditawarkan jurusan perubatan dari saluran Matrikulasi, STPM dan saluran lain (jika ada) mengikut pecahan bangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program perubatan merupakan program yang terus mendapat permohonan tinggi dalam kalangan pelajar-pelajar di Malaysia. Setiap tahun bilangan yang memohon ke program perubatan di institut pengajian tinggi awam (IPTA) jauh melebihi kapasiti tempat yang ditawarkan.

Pada masa kini, terdapat sebelas (11) buah IPTA yang menawarkan program perubatan iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Penawaran bagi program pengajian perubatan berdasarkan kelayakan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Matrikulasi/Asasi mengikut Sesi Akademik dan pecahan kaum adalah seperti berikut:

<b>SESI AKADEMIK</b>	<b>BUMIPUTERA</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA &amp; LAIN-LAIN</b>	<b>JUMLAH</b>
2008/2009	491	359	80	<b>930</b>
2009/2010	523	346	76	<b>945</b>
2010/2011	502	375	85	<b>962</b>

*\*Nota: Statistik penawaran program pengajian perubatan mengikut pecahan kaum India dan Lain-lain digabungkan bagi Sesi Akademik 2008/2009 hingga 2010/2011. Pecahan bagi kedua-dua kaum ini diasingkan mulai Sesi Akademik 2011/2012.*

<b>SESI AKADEMIK</b>	<b>BUMIPUTERA</b>	<b>CINA</b>	<b>INDIA</b>	<b>LAIN- LAIN</b>	<b>JUMLAH</b>
2011/2012	581	339	50	13	<b>983</b>
2012/2013	512	254	99	10	<b>875</b>
2013/2014	411	188	91	9	<b>699</b>

*\* Nota : Penawaran pelajar lepasan STPM/Matrikulasi/Asasi adalah menggunakan kelayakan yang sama dan pemilihan dilaksanakan berasaskan markah merit calon serta pilihan program pengajian yang dibuat oleh calon.*

Njm 07

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SUBRAMANIAM A/L VERUTHASALAM**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar India yang mendapat tempat setiap tahun untuk mengikuti program matrikulasi dari tahun 2008 sehingga 2013, melalui permohonan biasa dan melalui rayuan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 159 pelajar India telah ditawarkan ke Program Matrikulasi pada tahun 2009, 326 pelajar pada tahun 2010, 500 pelajar pada tahun 2011, 2,096 pelajar pada tahun 2,012 dan 1,850 pelajar pada tahun 2013.

Njm 08

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT**  
**TARIKH** : **22.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah rasional pihak Kementerian menetapkan kadar 10% pelajar antarabangsa kepada semua IPTS untuk dinaikkan taraf Kolej Universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria yang digun pakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam mempertimbangkan permohonan naik taraf sesebuah institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) yang bertaraf Kolej kepada Kolej Universiti adalah daripada segi **akademik, sosial dan pengalaman institusi pengajian tinggi** tersebut. Penetapan komposisi **20 peratus** daripada jumlah keseluruhan pengambilan pelajar sesebuah institusi pelajar antarabangsa merupakan nilai tambah kepada aspek pengantarabangsaan sesebuah IPTS. Ini adalah usaha Kerajaan menjadikan Malaysia destinasi pendidikan yang tersohor di dunia.

Njm 09

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**  
**TARIKH : 22.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kes-kes pelajar perempuan yang dirogol hingga berlakunya perkahwinan remaja dan kehamilan luar nikah dari tahun 2000-2010 mengikut umur dan pecahan kaum di seluruh negara. Nyatakan jumlah dan peratusan pelajar perempuan dari tahun 2000-2010 yang kembali semula ke sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak mempunyai maklumat berkaitan murid yang dirogol kerana kes jenayah ini adalah di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia. Isu yang melibatkan perkahwinan remaja dan kehamilan luar nikah pula ditangani oleh agensi lain daripada KPM.

Peranan KPM dalam hal menangani isu murid yang mengandung anak luar nikah adalah membantu murid berkenaan menguruskan diri dalam menghadapi situasi tersebut. Pihak sekolah akan membincangkan bersama keluarga dan merujuk kepada agensi-agensi lain yang terlibat. KPM tiada halangan sekiranya mereka ingin meneruskan persekolahan selepas melahirkan anak.

Njm 10



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN BAHARUDIN BIN ABU BAKAR**  
**TARIKH : 22.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Baharudin bin Abu Bakar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan memandangkan Kementerian serius terhadap usaha memartabatkan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan memandangkan sejak kebelakangan ini sebagai contoh pembangunan di kawasan komersial dan perumahan lebih ghairah menggunakan nama dalam Bahasa Inggeris berbanding memilih menggunakan nama berbaur Melayu. Harap tindakan serius dan garis panduan diwujudkan untuk memartabatkan kembali Bahasa Malaysia di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan di tempat awam, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah memberi khidmat pengesahan bahasa dalam iklan dan penamaan tempat awam. DBP telah menerbitkan buku Garis Panduan Menamai Syarikat, Bangunan, Kawasan Perumahan, Tempat Awam dan Jalan pada tahun 1996 untuk dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan orang awam. DBP juga dengan kerjasama Institut Penyiaran dan Penerangan Tun Abdul Razak (IPPTAR) telah menerbitkan buku Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Media Massa. Buku ini boleh juga dirujuk oleh PBT, pengiklan dan orang awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBP dengan kerjasama PBT turut membuat pemantauan penggunaan bahasa Melayu di tempat awam dan telah menurunkan papan-papan tanda yang tidak mendapat lesen oleh PBT dan yang terdapat kesalahan bahasa. DBP sedang berusaha untuk meminda Akta DBP 1959 untuk diberi kuasa penguatkuasaan bahasa.

DBP dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang menyediakan kertas pertimbangan untuk dikemukakan dalam mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri bagi meluluskan cadangan mewajibkan setiap iklan di tempat awam dalam kawasan PBT mendapat pengesahan DBP dari segi penggunaan bahasa Melayu yang betul. DBP juga akan menerbitkan buku Tatacara Pengesahan Bahasa dalam Talian yang mengandungi langkah-langkah penggunaan sistem pengesahan bahasa dalam iklan secara dalam talian.

Njm 11

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. PUAN HAJAH DAYANG MADINAH BINTI TUN ABANG HAJI OPENG**

**TARIKH** : **22.7.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pihak Polis Diraja Malaysia dan Kementerian Pendidikan melaksanakan penggunaan teknologi “Biometrik” dan “Poligraf” di semua sekolah di seluruh negara, bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar. Adakah perlu kaedah tersebut dilaksanakan juga di peringkat IPTA dan IPTS

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan teknologi “biometrik” dan “poligraf” bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin dalam kalangan murid sekolah adalah masih di peringkat cadangan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM). KPM dimaklumkan bahawa masih terlalu awal untuk menentukan keberkesanan penggunaan teknologi tersebut kerana ia masih di peringkat percubaan oleh pihak PDRM.

Manakala di institusi pengajian tinggi awam (IPTA), penggunaan teknologi biometrik dan poligraf tidak dilaksanakan kerana jenis pelanggaran disiplin berada di tahap minima dan terkawal jika dibandingkan populasi pelajar secara keseluruhannya. Ini adalah kerana teknologi biometrik lebih kepada pengenalan peribadi seseorang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program pembangunan pelajar yang holistik dan bersepadu merangkumi aspek kerohanian, jati diri, inovasi, integriti, sukan dan kecemerlangan diri serta badan beruniform adalah merupakan kaedah yang sentiasa diberi penekanan bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin di IPTA.

Di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pula, Akta 555 digunakan bagi membendung kegiatan jenayah dan pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar. Akta 555 memperuntukkan kuasa dan tanggungjawab ke atas Ketua Eksekutif untuk menguruskan pentadbiran, kebajikan dan disiplin pelajar. Dalam konteks ini, ia adalah tertakluk kepada budi bicara institusi untuk menentukan kaedah yang bersesuaian bagi menghalang penglibatan pelajar dalam kegiatan jenayah serta pelanggaran disiplin dalam kalangan pelajar.

Walau bagaimanapun, satu kajian akan dijalankan bagi mengenal pasti tahap risiko IPTS termasuk kekerapan masalah disiplin di institusi dengan tujuan untuk menjalankan pemantauan dengan lebih berkesan.

Njm 12

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN SAIFUL IZHAM BIN RAMLI**  
**TARIKH** : **23.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Saiful Izhah bin Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapakah sasaran 60% bilangan para penuntut di Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi bidang-bidang sains dan teknologi belum tercapai sedangkan itu adalah antara prasyarat-prasyarat asas untuk melayakkan Malaysia menjadi negara maju menjelang 2020, dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi perkara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal :Sastera yang terdiri daripada pakar-pakar dari universiti, Organisasi Bukan Kerajaan, pihak swasta dan kementerian lain bagi mengkaji kemerosotan minat murid terhadap aliran sains. Laporan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini, menunjukkan bahawa minat murid terhadap aliran sains dipengaruhi beberapa faktor seperti laluan kerjaya yang kurang jelas, kaedah pengajaran guru yang kurang menjalankan amali dan beberapa aspek lain yang berkaitan.

15 perakuan telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa ini dalam Buku Laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains/Teknikal:Sastera yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri pada tahun 2012. Perakuan ini perlu dilaksanakan sebagai strategi untuk menarik minat murid serta mempopularkan bidang sains dan teknologi termasuk peluang kerjaya. Strategi yang dirancang ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. KPM juga telah mengambil kira Transformasi Pendidikan Vokasional untuk mencapai nisbah 60:40 murid aliran sains/teknikal ini. Dalam aspek pra syarat untuk kelayakan

negara kita menjelang tahun 2020, kita hanya berkurangan 1.1 peratus untuk mencapai matlamat 2020 dalam bidang aliran sains kerana pada sesi akademik 2013/2014, penawaran tempat bagi aliran sains adalah 58.9 peratus. Dalam bidang sastera pula, penawaran tempat adalah 41.1 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah mengambil pelbagai langkah bagi menggalakkan pelajar untuk memilih program pengajian dalam bidang sains dan teknologi. Antara langkah tersebut termasuklah menyarankan institut pengajian tinggi awam (IPTA) untuk memperbanyakkan dan menawarkan program akademik baharu dalam bidang sains dan teknologi yang juga menjadi salah satu bidang pemfokusan NKEA Pendidikan. Pada tahun 2011 dan 2012, sebanyak 164 program akademik baharu dalam bidang sains dan teknologi telah diluluskan untuk ditawarkan. Jumlah ini mewakili 65 peratus daripada jumlah keseluruhan program akademik baharu yang diluluskan di IPTA. Adalah diharapkan dengan pelbagai pilihan program akademik dalam bidang sains dan teknologi di IPTA akan menggalakkan pelajar untuk memilih program pengajian dalam bidang tersebut.

Njm 13

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG**  
**TARIKH** : **23.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar keturunan Siam yang dipilih memasuki Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Kolej Matrikulasi pada tahun ini. Mengapakah sehingga kini pelajar berketurunan Siam yang mendapat keputusan cemerlang sekurang-kurangnya 7A masih lagi ditolak permohonan mereka ke Institusi Pengajian Tinggi Awam serta Kolej Matrikulasi, dan hanya diterima setelah mereka membuat rayuan, sedangkan Kerajaan sudah berulang kali menyatakan masyarakat Siam adalah Bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 45 pelajar berketurunan Siam telah ditawarkan ke Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untukambilan pertama sesi 2013/2014 bagi pendaftaran pada 27 Mei 2013. Manakala 13 lagi pelajar berketurunan Siam telah ditawarkan untukambilan kedua bagi pendaftaran pada 12 Jun 2013 menjadikan jumlah keseluruhan pelajar berketurunan Siam yang telah ditawarkan mengikuti Program Matrikulasi adalah seramai 58 orang.

Kemasukan pelajar ke Program Matrikulasi perlu memenuhi Syarat Am, Syarat Minimum dan dan Kiraan Merit. Pengiraan merit berdasarkan pencapaian pelajar dengan mengambil kira gabungan 90 peratus pencapaian akademik dan 10 peratus kokurikulum.

Bagi kemasukan pelajar di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk Sesi Akademik 2013/2014, seramai 112 orang calon keturunan Siam lepasan Sijil

Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dan lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) setaraf layak dipertimbangkan untuk ditawarkan tempat bagi program pengajian di IPTA, Politeknik Premier serta Politeknik Konvensional/METrO di negara ini. Berdasarkan kelayakan calon-calon tersebut, 50 orang calon berketurunan Siam ditawarkan untuk melanjutkan pelajaran di IPTA, Politeknik Premier dan Politeknik Konvensional/METrO.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **hanya calon yang layak, iaitu memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon** oleh calon serta **bilangan tempat yang disediakan** oleh IPTA.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, KPM melaksanakan urusan pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan Politeknik Premier dengan mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu berdasarkan 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah kokurikulum. Prinsip meritokrasi bagi Politeknik Konvensional/METrO dan institusi latihan kemahiran awam (ILKA) pula adalah mengguna pakai 75 peratus markah akademik, 10 peratus markah kokurikulum dan 15 peratus markah status sosio ekonomi.

Njm 14



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD. KHALID BIN AHMAD**  
**TARIKH : 23.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) apakah polisi terkini dalam aspek penyerapan guru kontrak atau pelantikan guru ke jawatan tetap; dan
- (b) adakah Kementerian mempunyai polisi yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran penempatan guru

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada masa ini pelaksanaan pelantikan guru kontrak (*Contract of Service*) bagi tujuan dilantik sebagai guru tetap di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hanya melibatkan guru-guru di Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Negeri (SAN) yang telah mendaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Melalui Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Kerajaan dan pihak sekolah, guru-guru yang merupakan tenaga pengajar asal di sekolah terlibat yang berkhidmat semasa MoU ditandatangani tetapi tidak memenuhi syarat untuk dilantik tetap akan dilantik secara kontrak terlebih dahulu. Mereka akan diberi latihan perguruan dan setelah berjaya menamatkan pengajian guru-guru berkenaan akan dilantik sebagai guru tetap berdasarkan syarat Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang telah ditetapkan.

Sehingga 30 Jun 2013, terdapat sejumlah 198 buah SABK telah mendaftar dengan KPM dan jumlah guru kontrak yang sedang berkhidmat di SABK ialah seramai 686 orang.

- b) KPM sentiasa mempunyai polisi yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran dan penempatan. Pertukaran guru dilaksanakan dua (2) kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Jun setiap tahun. Proses pertukaran guru melibatkan permohonan pertukaran antara negeri, antara daerah dan dalam daerah, dan guru boleh memohon untuk bertukar ke lokasi yang mereka kehendaki secara atas talian melalui Sistem e-GTukar.

Kriteria utama yang diambil kira dalam penentuan penempatan guru baharu dan juga kelulusan pertukaran guru ialah keperluan perkhidmatan dan kekosongan opsyen yang terdapat di negeri yang dipohon. Bilangan guru di sesebuah negeri tidak boleh melebihi bilangan yang diluluskan mengikut waran perjawatan negeri berkenaan.

Njm 15

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**  
**TARIKH** : **23.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah wujud polisi atau peraturan yang tidak membenarkan pelajar lepasan UPSR Sekolah Rendah Islam Swasta memohon masuk ke sekolah agama Kerajaan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada dasarnya tiada peraturan yang menyatakan bahawa murid lepasan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) daripada sekolah swasta tidak dibenarkan untuk mengikuti pendidikan di peringkat menengah sekolah Kerajaan. Walau bagaimanapun, murid tersebut perlu memohon melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan penempatan mereka di sekolah adalah berdasarkan kepada kekosongan tempat.

Njm 16

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT**  
**TARIKH : 23.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang telah dilakukan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) untuk merealisasikan transformasi pendidikan bagi meningkatkan kadar penyertaan di peringkat kanak-kanak dalam bidang pendidikan Islam awal kanak-kanak

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Tujuan utama Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan adalah untuk meningkatkan kadar penyertaan kanak-kanak berumur 4+ dan 5+ dalam tahun semasa untuk mendapat pendidikan awal sebelum mengikuti pendidikan wajib di Tahun 1. Untuk merealisasikan sasaran ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggalakkan semua pihak termasuk pihak swasta dan NGO untuk menyediakan pendidikan awal kepada semua kanak-kanak tanpa memberi penekanan kepada sesuatu bidang sahaja.

Oleh itu, Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah digubal untuk digunakan oleh semua pihak yang melaksanakan pendidikan prasekolah, di mana salah satu tunjang utama dalam KSPK adalah Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai, dalam komponen Pendidikan Islam dan Moral.

Pendidikan di prasekolah juga meliputi dua (2) jenis Modul iaitu Modul Asas dan Modul Bertema. Setiap Modul ini meliputi lebih kurang 35 peratus daripada masa pengajaran dan pembelajaran. Modul Asas Pendidikan Islam

atau Pendidikan Moral diajar selama 120 minit seminggu. Manakala Modul Bertema juga merangkumi elemen pendidikan moral.

Njm 17

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**  
**TARIKH : 23.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN /MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan bagi memastikan pemantauan pengusaha kantin sekolah terhadap penjualan menu makanan sihat di kantin sekolah seperti dalam garis panduan senarai makanan yang dibenarkan dan apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kempen pemakanan sihat ke sekolah-sekolah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amat perihatin tentang penjualan makanan sihat di kantin-kantin sekolah. Sehubungan itu, KPM telah menyediakan Buku Laporan Kendiri Kantin untuk tujuan pemantauan pengusaha kantin dan kualiti serta jenis makanan yang disediakan. Pihak pengusaha kantin sekolah perlu mengisi buku ini setiap hari untuk memastikan kualiti makanan dan keadaan keseluruhan kantin dapat dipantau dan ia perlu disahkan oleh pihak pengurusan sekolah untuk memastikan kualiti makanan dan pengendalian makanan adalah pada tahap yang tinggi.

Selain daripada itu, KPM bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi penarafan terhadap kantin sebagai langkah pemantauan. KPM juga telah menyediakan garis panduan kantin sihat yang perlu dipatuhi oleh pihak sekolah serta pengusaha kantin. Pihak sekolah boleh menamatkan kontrak kantin sekiranya pihak pengusaha kantin tidak mematuhi garis panduan kantin sihat. KPM menekankan cara hidup sihat dalam memastikan murid-murid dididik kaedah mengamalkan pemakanan sihat. Poster serta menu yang dilengkapi dengan jumlah kalori dipaparkan di kawasan sekolah dan guru pendidikan jasmani diminta juga untuk memberikan didikan berkaitan cara hidup

sihat. Murid-murid juga didedahkan juga dengan jumlah kalori yang digunakan sekiranya melaksanakan aktiviti-aktiviti.

Njm 18

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHAMAT@AHAMAD BIN YUSOP**  
**TARIKH : 23.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian dalam usaha memberi pendedahan kepada murid sekolah rendah dan menengah dalam kemahiran Bahasa Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain di sekolah-sekolah aliran kebangsaan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil langkah wajar dalam usaha memantapkan penguasaan murid dalam menghayati kemahiran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain di sekolah dengan memasukkan kemahiran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain ke dalam kurikulum Pendidikan Islam peringkat sekolah rendah dan menengah.

Pemantapan dan penghayatan kemahiran Jawi, Al-Quran, Bahasa Arab dan Fardhu Ain juga dilakukan melalui aktiviti-aktiviti lain yang dianjurkan di sekolah iaitu:

- i. Kursus pendedahan berkaitan Resam Uthmani Mushaf Al-Quran Bertajwid dan Berwarna yang telah mendapat kelulusan Kementerian Dalam Negeri kepada semua guru Pendidikan Islam sekolah menengah dan sekolah rendah di seluruh negara secara berperingkat-peringkat.
- ii. Kursus Kaedah Iqra' dan Al-Quran Bertajwid kepada guru Pendidikan Islam dan Guru j-QAF sekolah rendah.
- iii. Kursus Tahsin Al-Quran dan program j-QAF kepada guru Pendidikan Islam di sekolah yang tidak ada guru j-QAF.
- iv. Kursus Pemantapan Guru Program j-QAF Sekolah Rendah Kementerian Pendidikan Tahun 2013.



Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh daripada kursus dan latihan tersebut, guru-guru mampu memberi pendedahan subjek tersebut kepada murid dengan lebih jelas dan berkesan.

Njm 19

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**  
**TARIKH : 23.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan Sekolah Menengah Agama Negeri yang berdaftar dengan Kementerian dan jumlah bantuan kewangan dan peralatan yang telah diberikan mengikut negeri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Daripada 198 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejumlah 111 buah adalah Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bantuan kewangan (bantuan persekolahan) pada tahun 2013 yang diberikan kepada sekolah-sekolah tersebut adalah sebanyak **RM166.94** juta. Manakala bantuan peralatan pula bagi tahun 2007 hingga 2013 adalah sebanyak **RM12.732** juta.

Njm 20

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DR. SYED HUSIN ALI**  
**TARIKH** : **23.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dr. Syed Husin Ali** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memansuhkan pinjaman PTPTN selepas meneliti keputusan pilihan raya yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semenjak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 (Akta 566) yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997, PTPTN telah membuka peluang kepada ramai anak-anak muda untuk meneruskan pengajian di peringkat yang lebih tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 1997 hingga 31 Mei 2013, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada seramai 2.2 juta peminjam dengan amaun keseluruhan berjumlah RM 49.3 bilion.

Berdasarkan trend pembiayaan PTPTN pada tahun 2012, Kerajaan perlu menyediakan pembiayaan pendidikan berjumlah RM4.18 bilion setiap tahun untuk membiayai kos yuran dan sara hidup pelajar di IPTA dan IPTS. Jumlah ini tidak termasuk 90 peratus subsidi yuran pengajian yang telah ditanggung oleh Kerajaan. Kos ini juga akan meningkat dari setahun ke setahun berdasarkan jumlah pelajar serta kos yuran dan sara hidup yang meningkat khususnya di IPTS.

Sekiranya agenda pengajian tinggi percuma ingin dilaksanakan oleh Kerajaan, maka jumlah dana yang besar ini perlu disediakan oleh Kerajaan pada setiap tahun, yang pastinya akan mengurangkan jumlah subsidi Kerajaan di sektor lain seperti sektor keselamatan, sosial, ekonomi, kesihatan dan pertanian, termasuklah pembinaan jalan kampung untuk orang miskin. Dalam masa yang

sama, Kerajaan terpaksa menghapus kira hutang PTPTN pelajar sebanyak RM34.46 bilion serta membuat bayaran semula kepada pelajar yang telah membuat bayaran balik pinjaman sebanyak RM4.11 bilion (sehingga 31 Mei 2013).

Perkongsian bebanan kewangan antara Kerajaan khususnya pembayar cukai yang menyumbang kepada dana PTPTN dan pelajar yang mendapat kemudahan pembiayaan PTPTN perlu digalakkan. Sehingga Mei 2013, sejumlah RM31.10 bilion telah dipinjam oleh Kerajaan untuk dana pinjaman pendidikan PTPTN dengan kos dana lebih kurang 4 peratus setahun. Adalah wajar untuk pelajar yang menikmati kemudahan pembiayaan menyumbang untuk menampung operasi PTPTN khususnya dan Kerajaan amnya serta mengambilkira sebahagian pembayar cukai yang menyumbang kepada dana kerajaan tidak menikmati kemudahan pembiayaan PTPTN.

Njm 21

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. JOHARI BIN MAT**  
**TARIKH : 24.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Johari bin Mat** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian membantu institusi-institusi pengajian tinggi Islam di negara ini mempertingkatkan reputasi terutama ke arah dinaik taraf sebagai Kolej Universiti atau Universiti.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan panduan seperti aplikasi *MyUpgrade* yang boleh digunakan oleh institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) termasuk institusi pengajian tinggi Islam sekiranya ia berdaftar sebagai IPTS untuk menjalankan penilaian sendiri bagi menilai kesediaan IPTS untuk menaik taraf kepada Kolej Universiti atau Universiti. Kesediaan ini dinilai berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti kedudukan kewangan syarikat, misi dan visi IPTS, kawalan kualiti dalaman IPTS, tahap kemudahan dan fasiliti yang disediakan di IPTS, tadbir urus, penglibatan pelbagai kaum serta pengantarabangsaan.

Bagi membantu meningkatkan reputasi IPTS bertaraf kolej, KPM telah membangun dan melaksanakan aplikasi Malaysian Quality Evaluation System For Private Colleges (MyQUEST) sebagai instrumen untuk menilai prestasi semasa IPTS di Malaysia daripada aspek pelajar, program pengajian, graduan, sumber dan tadbir urus. Penilaian ini membantu IPTS membuat analisis terhadap kelemahan dan kekurangan yang dihadapi bagi membuat penambahbaikan yang bersesuaian.

Dalam usaha melonjakkan reputasi IPT bertaraf Kolej Universiti ke Universiti pula, Kementerian telah menyediakan dan melaksanakan Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (SETARA) bagi mengukur kualiti pengajaran dan

pembelajaran. Instrumen SETARA meliputi domain input yang menilai bakat, sumber dan governan, domain proses yang menumpukan kepada kurikulum dan domain *output* yang menilai kualiti graduan dan kepuasan graduan terhadap IPT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi pengajian tinggi Islam yang dimaksudkan dalam jawapan ini adalah tertakluk di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). Terdapat juga institusi pengajian tinggi Islam yang berdaftar di bawah Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Institusi-institusi ini adalah dikawal selia oleh agensi yang berkenaan.

Njm 31

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**  
**TARIKH : 24.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar sekolah menengah dan sekolah rendah yang mengikuti kelas-kelas pemulihan mengikut negeri bagi tahun 2012.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelas pemulihan adalah aktiviti alternatif yang dijalankan apabila di dapati seseorang murid gagal mempelajari sesuatu kemahiran selepas mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam kelas biasa. Setelah murid ini dapat menguasai kemahiran, mereka akan ditempatkan semula ke kelas biasa.

Sehingga Jun 2012, seramai **30,905** murid mengikuti program kelas pemulihan di seluruh negara. Hal ini meliputi seramai **27,276** murid di sekolah rendah iaitu **7,209** murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, **1,126** murid di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan **18,941** murid di Sekolah Kebangsaan. Manakala seramai **3,629** orang murid mengikuti program ini di Sekolah Menengah Kebangsaan.

Njm 32

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH DAYANG MADINAH BINTI  
TUN ABANG HAJI OPENG**

**TARIKH : 24.7.2013**

**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan ramai pelajar kita kurang berpengetahuan malah tidak menghargai sejarah negara sendiri sehingga ada yang sanggup terlibat dalam pelbagai kejadian negatif kebelakangan ini yang nyata bertentangan dengan sejarah negara, amat membimbangkan. Apakah pendekatan pihak Kementerian dalam hal ini demi kedaulatan negara tercinta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kurikulum Sejarah yang dilaksanakan pada masa ini memberi penekanan kepada disiplin ilmu sejarah, penerapan nilai murni dan pemupukan semangat patriotik bagi menyedarkan murid akan peranan dan tanggungjawab mereka sebagai warganegara. Pelaksanaan kurikulum tersebut bertujuan melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan pemahaman sejarah tanah air. Melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah negara, murid dapat memahami keadaan masyarakat dan negara dalam mewujudkan semangat perpaduan sebagai rangka kesedaran kebangsaan, memperkukuhkan perasaan cinta akan negara seterusnya menjunjung kedaulatan negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu kekurangan pengetahuan dan penghayatan sejarah negara serta sikap yang sering menyalah tafsir fakta sejarah negara menyebabkan kerajaan memperkenalkan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai 2013. Kerajaan juga mengambil langkah yang wajar dengan menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata pelajaran khusus diajar pada tahap II sekolah rendah mulai 2014. Melalui langkah ini, rakyat Malaysia akan



memberikan penekanan dan berusaha menguasai serta menghayati pengetahuan tentang sejarah negara yang sebenar. Selain daripada itu, langkah tersebut juga merupakan usaha untuk mempertingkatkan semangat jati diri dan cinta akan negara dalam kalangan murid di samping mempunyai kesedaran yang tinggi tentang nilai menjadi warganegara Malaysia yang bertanggungjawab dan bermatlamat.

Njm 33

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN LIHAN JOK**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah kekurangan rumah guru-guru di sekolah pedalaman Sarawak sudah diatasi, khususnya di SK Long Kevok, Baram, Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat akan keperluan rumah guru di sekolah-sekolah seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Sarawak terdapat sebanyak 84 unit projek rumah guru untuk 30 buah sekolah telah dibina manakala di Parlimen Baram secara khususnya, sebanyak 12 buah sekolah sedang dalam pembinaan rumah guru. Projek-projek ini dilaksanakan secara berpakej bersama projek-projek ubah suai dan naik taraf bangunan yang lain.

Walau bagaimanapun, bagi cadangan pembinaan rumah guru di SK Long Kevok, Baram, pihak KPM masih belum menerima sebarang permohonan. KPM akan meneliti perkara ini dan memohon peruntukan dalam *Rolling Plan* akan datang sekiranya mempunyai justifikasi yang kukuh.

Njm 34

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH KHAIRIAH BINTI MOHAMED**  
**TARIKH : 25.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Khairiah binti Mohamed** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dasar atau kaedah yang diguna pakai bagi penempatan dan pertukaran guru dalam memastikan pencapaian cemerlang para pelajar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru di sekolah adalah tertakluk kepada kekosongan perjawatan dan atas keperluan perkhidmatan, serta kesesuaian pengkhususan mata pelajaran atau opsyen guru tersebut. Penekanan terhadap perkara tersebut adalah untuk menjamin murid mendapat pendidikan yang berkualiti selaras dengan hasrat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM akan mengadakan makmal khusus pada bulan Ogos 2013 ini bagi memperincikan langkah-langkah penyelesaian isu pertukaran dan penempatan guru. Makmal ini akan membincangkan dengan terperinci mekanisme Penambahbaikan Dasar Penempatan dan Pertukaran Guru sedang sediakan. Sesi *engagement* bersama-sama pihak berkepentingan telah diadakan untuk mengumpulkan maklum balas dan pandangan dalam usaha untuk menambah baik dasar penempatan dan pertukaran guru.

Njm 35

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK CHIW TIANG CHAI**  
**TARIKH : 25.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Chiw Tiang Chai** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) apakah syarat dan kriteria yang diguna pakai dalam pemberian cuti belajar (sabatikal) kepada golongan guru, guru besar dan pengetua; dan
- b) adakah Kementerian yakin langkah ini dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran sejajar dengan pelan pembangunan pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015 yang mensasarkan sistem pendidikan negara setaraf negara maju

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Pada masa sekarang, tiada peruntukan yang diberikan kepada golongan guru, guru besar dan pengetua bagi kemudahan cuti sabatikal. Untuk makluman, cuti sabatikal hanya diberikan kepada pensyarah di institut pengajian tinggi (IPT) di mana kaedah pelaksanaannya ditetapkan oleh IPT masing-masing. Kemudahan yang disediakan kepada golongan guru, guru besar dan pengetua adalah cuti belajar sahaja bagi meningkatkan kemahiran ke peringkat yang lebih tinggi seperti di peringkat sarjana muda, sarjana dan kedoktoran.
- b) Memang tidak dinafikan bahawa peluang menyambung pelajaran dan pemberian cuti belajar pada guru adalah satu daripada usaha untuk meningkatkan kualiti guru termasuklah aspek pengajaran dan pembelajaran (PdP). Di samping itu, bagi menjamin kualiti pendidikan negara ini setaraf dengan negara maju, KPM melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti sentiasa memeriksa tahap kualiti PdP berdasarkan Standard Kualiti

Pendidikan Guru (SKPM) 2010. Dalam dokumen SKPM ini, satu standard khas iaitu PdP (standard 4) yang mengandungi 12 kriteria kritikal telah dikenal pasti supaya guru-guru memahami, menghayati dan melaksanakannya dalam PdP bilik kelas. Bagi meningkatkan pemahaman guru setiap kriteria kritikal tersebut juga dilengkapi dengan deskripsi skor yang terperinci. Pihak sekolah akan diberikan bimbingan berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut bagi meningkatkan kualiti PdP sejajar matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015.

Njm 36

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**  
**TARIKH : 25.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa banyak tempat yang telah diberikan kepada pelajar India Muslim untuk melanjutkan pengajian mereka di pusat-pusat Matrikulasi, universiti-universiti awam dan politeknik bagi tahun 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi sesi akademik 2013/2014, penawaran kepada pelajar India Muslim yang memenuhi syarat kemasukan ke Program Matrikulasi adalah seramai 82 orang; Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Politeknik seramai 394 orang; pengajian di IPTA dan Politeknik lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf adalah seramai 57 orang; dan penawaran tempat di IPTA bagi lepasan STPM/setaraf pula adalah seramai 59 orang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pemilihan kemasukan pelajar ke IPTA dan Politeknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan dasar pemilihan kemasukan pelajar ke institusi tersebut berasaskan prinsip meritokrasi tanpa mengira agama, bangsa, keturunan, negeri dan sebagainya. Prinsip meritokrasi yang dilaksanakan bagi pemilihan ke IPTA dan Politeknik Premier adalah berasaskan kepada pencapaian akademik (90 peratus) dan pencapaian kokurikulum (10 peratus). Bagi pemilihan ke Politeknik Konvensional/METrO pula adalah berasaskan pencapaian akademik (75 peratus), pencapaian kokurikulum (10 peratus) dan status sosio ekonomi (15 peratus). Manakala pogram Matrikulasi pula diwujudkan dengan tujuan asalnya untuk meningkatkan penyertaan pelajar bumiputera dalam bidang sains, teknologi dan profesional di IPTA. Namun begitu, semenjak tahun 2003 program

ini bukan lagi eksklusif untuk pelajar bumiputera sahaja kerana kuota 10 peratus telah diperuntukkan kepada pelajar bukan bumiputera.

Njm 37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' BOON SOM A/L INONG**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Boon Som a/l Inong** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian hasrat untuk mengkaji semula kaedah pelaksanaan Dasar 1 Murid 1 Sukan, terutama penganjuran program seperti Kejohanan Balapan dan Padang, serta Merentas Desa, supaya bersesuaian dengan cuaca setempat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar 1Murid 1Sukan diperkenalkan dengan hasrat untuk melahirkan modal insan yang seimbang daripada segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Aktiviti sukan di sekolah diadakan sepanjang tahun berdasarkan kepada aktiviti rumah sukan dan kelab sukan. Kejohanan olahraga sekolah yang didahului oleh kejohanan merentas desa dan sukan tara menjadi aktiviti teras sukan di sekolah.

Walau bagaimanapun, bagi memenuhi prinsip pelaksanaan dasar 1Murid 1Sukan ini, setiap sekolah perlu mempunyai strategi pendekatan tersendiri dalam melaksanakan program tersebut mengikut acuan dan kemampuan sedia ada. Dalam pada masa yang sama, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan pelan pelaksanaan yang melibatkan aktiviti sukan sepanjang tahun. Oleh yang demikian, sekolah boleh merancang dan melaksanakan aktiviti mengikut kesesuaian masa, tempat dan keadaan cuaca.

Njm 38



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**  
**TARIKH : 25.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di kalangan guru, guru besar dan pengetua sekolah sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti sentiasa memeriksa tahap kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan Standard Kualiti Pendidikan Guru (SKPM) 2010. Dalam dokumen SKPM ini satu standard khas iaitu pengajaran dan pembelajaran (standard 4) yang mengandungi 12 kriteria kritikal telah dikenal pasti supaya guru-guru memahami, menghayati dan melaksanakannya dalam pengajaran dan pembelajaran bilik kelas. Bagi meningkatkan pemahaman guru setiap kriteria kritikal tersebut juga dilengkapi dengan deskripsi skor yang terperinci. Pihak sekolah akan diberikan bimbingan berdasarkan hasil pemeriksaan tersebut bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran sejajar matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Dalam Gelombang Pertama PPPM 2013-2025, KPM memberi tumpuan utama untuk meningkatkan kualiti guru dan pemimpin sekolah. Dalam hal ini, KPM telah mengambil beberapa langkah iaitu:

- i. Menempatkan pembimbing guru dan pengetua/guru besar (SISC+ dan SIPartners+) di sekolah.

ii. Melaksanakan program peningkatan profesionalisme (CPD)

Njm 39

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan proaktif yang bakal diambil di kalangan murid-murid sekolah rendah dan menengah dalam memupuk semangat cintakan negara melalui lagu Negaraku dan prinsip Rukun Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha memupuk semangat cintakan negara di kalangan murid peringkat sekolah rendah dan menengah, selain daripada amalan sedia ada yang dilaksanakan seperti menyanyikan lagu Negaraku setiap perhimpunan sekolah, aktiviti patriotik melalui kelab dan persatuan, kurikulum pendidikan sedia ada juga memainkan peranan utama. Di peringkat sekolah menengah penekanan telah diberikan kepada pemupukan semangat cintakan negara. Tajuk ini terkandung dalam tema **Pembinaan Negara Bangsa ke Arah Kemunculan Negara Malaysia Berdaulat** di bawah tajuk **Pembangunan dan Perpaduan Bangsa**. Melalui pengetahuan dan penghayatan lagu Negaraku dan Rukun Negara, murid diberi penjelasan tentang sejarah serta peranan lagu Negaraku dan Rukun Negara dalam pembangunan sosial dan perpaduan negara.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperkenalkan mata pelajaran sejarah di peringkat sekolah rendah bermula tahun 2014 yang melibatkan murid di tahap II. Antara aspek pembelajaran yang diberi penekanan adalah **Identiti Negara Kita** yang menyentuh tentang lambang-lambang negara termasuklah lagu kebangsaan dan Rukun Negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah mengambil beberapa langkah penambahbaikan bagi mengukuhkan perpaduan serta pemupukan semangat cintakan negara dalam kalangan murid seperti berikut;

- i. Mewujudkan Sekretariat Perpaduan Murid di peringkat KPM.
- ii. Mewajibkan pembacaan Ikrar Rukun Negara oleh murid setiap minggu semasa perhimpunan mingguan sekolah. Rukun Negara diikrarkan bersama-sama oleh murid dan guru di sekolah berkenaan. Pembacaan ikrar ini juga akan disusuli dengan ulasan dan penjelasan guru dalam bilik darjah.
- iii. Melaksanakan Sambutan Hari Jadi Murid dan Guru sebagai tanda penghargaan dan penerimaan tanpa mengira kaum dan latar belakang mereka.
- iv. Menyambut perayaan-perayaan utama secara bersama bagi setiap sekolah. Perayaan-perayaan tersebut adalah Hari Raya Aidil Fitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas.
- v. Melaksanakan program Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia peringkat sekolah pada setiap minggu pertama bulan Februari setiap tahun.
- vi. Mengadakan **kursus khas kepimpinan murid** pelbagai kaum agar dapat membantu sekolah berinteraksi dan berkomunikasi secara berkesan dengan semua murid lain.

Njm 40

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa kes buli yang dilaporkan berlaku di sekolah-sekolah mengikut pecahan negeri, kaum dan umur sejak 2008. Daripada bilangan ini, berapa kes yang dikategorikan sebagai jenayah dan bentuk hukuman ke atas pesalah dan apakah tindakan Kementerian untuk membanteras gejala ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap kes buli, dan telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil. 8/2010 iaitu Garis Panduan Mencegah Dan Menangani Perbuatan Buli Dalam Kalangan Murid Di Sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh lima (5) tahun (2008-2012), purata kes buli melibatkan murid sekolah adalah seramai 2,829 (0.05%) orang. Kes buli seperti yang dilaporkan kebanyakannya berpunca daripada faktor kenakalan dalam golongan murid seperti:

- i. Ingin menunjukkan kekuatan sendiri.
- ii. Sekadar mahu berseronok.
- iii. Mereka pernah menjadi mangsa buli.
- iv. Mereka yang tidak berjaya dalam pelajaran, nakal, dan mempunyai masalah disiplin.

Kementerian melaksanakan langkah-langkah berikut bagi membendung kejadian salah laku ini berleluasa, antaranya:

- i. Memberi Bimbingan dan Kaunseling secara berterusan kepada murid yang terlibat.

- ii. Mengadakan peti aduan murid atau saluran-saluran aduan murid secara berkesan di sekolah dan asrama;
- iii. Menghapuskan budaya-budaya tertentu oleh murid yang berlawanan dengan prinsip-prinsip pendidikan, akhlak dan usaha memupuk budi pekerti yang baik dalam kalangan murid sekolah;
- iv. Melaksanakan aktiviti orientasi atau suaikenal terhadap murid baru, yang berada di bawah kawalan guru sepenuhnya;
- v. Mengambil tindakan disiplin, berdasarkan peraturan disiplin yang berkuatkuasa, seperti:
  - a. Amaran keras (perlu tandatangan surat aku janji), **atau**
  - b. Dilarang menggunakan kemudahan sekolah atau asrama atau mengambil bahagian dalam program atau aktiviti sekolah untuk suatu tempoh tertentu, **atau**
  - c. Dikenakan hukuman rotan tidak melebihi 3 kali, **atau**
  - d. Digantung persekolahan (selama tempoh tidak melebihi 14 hari)

Kempen dan penjelasan terhadap kesan perbuatan ala samseng, buli dan jenayah lain juga dilaksanakan secara berterusan dan melibatkan pihak luar seperti Polis Diraja Malaysia, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Njm 41

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH**  
**TARIKH : 25.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sekiranya Kementerian akan menimbangkan semula pelaksanaan sistem kuota kemasukan pelajar-pelajar Bumiputera ke IPTA (untuk menggantikan sistem merit sekarang) menimbangkan merosotnya peratusan pelajar-pelajar Bumiputera yang sedang menuntut di IPTA/IPTS di dalam dan di luar negeri sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan keputusan Kerajaan pada tahun 2002, dasar pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dilaksanakan berasaskan prinsip Meritokrasi bagi menggantikan Dasar Pengambilan Mengikut Kuota Kaum yang diguna pakai sebelumnya. Dasar Meritokrasi ini dilaksanakan dengan menggunakan pakai 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum untuk menjana markah merit pelajar.

Berdasarkan kepada statistik pengajian tinggi di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), jumlah enrolmen pelajar Melayu (termasuk Melayu Sabah dan Melayu Sarawak) di IPTA dan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) pada tahun 2012 ialah 51.84 peratus daripada keseluruhan pelajar. Statistik ini melebihi peratusan pelajar bukan Melayu di IPT. Begitu juga dengan statistik kemasukan pelajar ke IPTA dan IPTS, sebanyak 57.57 peratus adalah pelajar Melayu. Statistik graduan pula menunjukkan 67.97 peratus graduan IPTA dan IPTS juga adalah Melayu.

Walaupun meritokrasi dilaksanakan dalam pengambilan pelajar ke institusi pengajian tinggi (IPT), rekod di KPM menunjukkan bahawa jumlah pelajar

Melayu yang melanjutkan pengajian di IPT dalam negara masih lebih tinggi berbanding kaum-kaum lain.

Berdasarkan kepada statistik pengajian tinggi, jumlah enrolmen pelajar Melayu (termasuk Melayu Sabah dan Melayu Sarawak) di IPTA pada tahun 2012 ialah 77.56 peratus daripada keseluruhan pelajar. Statistik ini menunjukkan peratusan pelajar Melayu melebihi kaum lain di IPT. Begitu juga dengan statistik kemasukan pelajar ke IPTA, sebanyak 79.11 peratus adalah pelajar Melayu dan 73.79 peratus graduan IPTA adalah Melayu.

Pada masa ini, KPM belum bercadang untuk menggantikan sistem meritokrasi dengan sistem kuota seperti mana sebelum ini. Berdasarkan prinsip meritokrasi, semua pelajar yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama dan taraf hidup tidak akan dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di IPTA. Calon-calon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta kriteria pemilihan akan dipertimbangkan mengikut pilihan program pengajian yang dipohon oleh calon serta bilangan tempat yang disediakan oleh IPTA. Bagi tajaan pelajar ke luar negara sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa agensi-agensi penajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain agensi Kerajaan yang menyediakan biasiswa kepada pelajar yang layak.



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN HAJAH MARIANY BINTI  
MOHAMMAD YIT**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan unjuran pensiswazahan siswazah ijazah pertama dan berapa peratuskah siswazah ini mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan selepas bergraduan dan apakah langkah-langkah Kementerian sekiranya wajar untuk memastikan graduan sama ada di IPTA dan IPTS mendapat pekerjaan dengan kadar segera selepas bergraduan setelah kursus-kursus yang mereka ikuti memenuhi permintaan industri.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang dijalankan semasa hari konvokesyen, graduan ijazah pertama bagi tahun 2011 ialah seramai 102,088 dan pada tahun 2012 seramai 107,033. Daripada jumlah tersebut, **75 peratus** graduan ijazah pertama telah bekerja dalam tempoh enam (6) bulan selepas bergraduat pada tahun **2011** dan **70 peratus** telah bekerja dalam tempoh enam bulan selepas bergraduat pada tahun **2012**.

Selaras dengan itu, KPM seterusnya telah menerbitkan dokumen *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017 (GEB)* sebagai panduan hala tuju (*guiding principle*) untuk membantu institusi pengajian tinggi (IPT) merangka strategi melahirkan modal insan yang dapat memenuhi permintaan ekonomi sejajar dengan perubahan lanskap negara.

Dalam mewujudkan sistem pengajian tinggi yang mampu melahirkan modal

insan dan tenaga kerja yang berkualiti, berdaya saing, kreatif dan inovatif agar dapat memenuhi keperluan guna tenaga negara, KPM telah melancarkan Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT pada 13 April 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan serta memantapkan pendidikan dan pembangunan keusahawanan di IPT tempatan secara lebih terancang dan holistik bagi:

- i. Melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan (*entrepreneurial graduates*).
- ii. Melahirkan lebih ramai lagi siswazah dan lulusan IPT yang menceburi bidang keusahawanan untuk menjadi pemangkin transformasi ekonomi negara kepada ekonomi berpendapatan tinggi dan berpaksikan inovasi.
- iii. Melahirkan ahli akademik, penyelidik dan pentadbir IPT yang berdaya usaha (*enterprising*) dan mempunyai ciri dan nilai keusahawanan.

Hasil kajian Keberkesanan Program Keusahawanan di IPT yang telah dijalankan oleh pihak Kementerian menunjukkan bahawa Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT telah berjaya meningkatkan kepekaan IPT terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan dan tahap penglibatan dan penyertaan pelajar didalam program dan aktiviti keusahawanan di samping berjaya meningkatkan kesediaan mereka untuk menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Dalam perkara ini statistik Kementerian menunjukkan bahawa seramai 2,387 orang lulusan IPT awam telah bertindak berani untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan bagi tempoh dua tahun selepas Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT dilancarkan iaitu 1,114 orang bagi tahun 2011 dan 1,273 orang bagi tahun 2012.

Njm 43

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK JAMILAH SULAIMAN**  
**TARIKH** : **25.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah cadangan untuk menjadikan mata pelajaran Bahasa Inggeris wajib lulus di peringkat SPM dikuatkuasakan. Apakah usaha-usaha Kementerian untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar khususnya pelajar di luar Bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mata pelajaran Bahasa Inggeris menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan dilaksanakan mulai tahun 2016.

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah dan akan melaksanakan pelbagai strategi di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Di antara usaha terkini yang dilaksanakan ialah:

**i. Program Sistem Set**

Sistem Set dilaksanakan dengan menempatkan murid dalam set mengikut tahap pencapaiannya dalam Bahasa Inggeris. Ini membolehkan guru mengajar mengikut tahap pencapaian murid tersebut dan pembelajaran adalah lebih berfokus dan berkesan.

## ii. **Komponen Sastera (KOMSAS) Bahasa Inggeris**

Bagi menyokong pembelajaran bahasa Inggeris, kurikulum Bahasa Inggeris mengandungi Komponen Sastera Bahasa Inggeris yang menghendaki murid membaca novel dan puisi Bahasa Inggeris, berbincang dan memberi pendapat tentang perkara yang dibaca.

Semua usaha yang dijalankan oleh KPM bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan murid sekolah menengah mengoptimumkan bahan sokongan yang sedia ada di sekolah seperti *teaching courseware*, buku teks dan buku bacaan KOMSAS.

Njm 44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**  
**TARIKH : 29.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pencapaian guru Bahasa Inggeris dalam ujian *Cambridge Placement Test* (CPT) tahun lalu khususnya tahap kefasihan dan nyatakan langkah-langkah Kementerian bagi meningkatkan tahap kefasihan mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Ujian Bahasa Inggeris yang dikenali sebagai *Cambridge Placement Test* (CPT) telah dilaksanakan kepada 56,754 guru Bahasa Inggeris di seluruh negara bertujuan untuk mengenal pasti tahap profisiensi guru dalam bahasa tersebut dan bagi memastikan proses pengajaran dan pembelajaran guru dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris adalah lebih berkesan.

Hasil ujian mendapati, 17,026 (28.9 peratus) daripada jumlah guru tersebut mencapai tahap kompetensi tertinggi berasaskan standard *Common European Framework Of References For Languages (CEFR)*, dan selebihnya melepasi tahap penguasaan bahasa Inggeris yang memuaskan. Untuk memastikan penguasaan bahasa Inggeris guru-guru sentiasa berada di tahap kompetensi tertinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan latihan melalui program peningkatan kecekapan kemahiran yang dikenali sebagai *Professional Up-Skilling Of English Language Teachers* (Pro-ELT). Fasa pertama telah pun dilaksanakan dengan melibatkan 5,000 guru dari seluruh negara mulai November 2012 sehingga Disember 2013. Manakala fasa kedua pula akan melibatkan 9,240 guru bahasa Inggeris yang dijadualkan bermula pada September 2013 sehingga Disember 2014.

KPM amat yakin dan percaya bahawa melalui pelaksanaan program latihan secara tersusun dan sistematik khususnya kepada guru bahasa Inggeris, proses pembelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris di sekolah akan menjadi lebih berkesan dan murid akan lebih fasih serta yakin untuk bertutur dalam bahasa Inggeris.

Njm 56

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**

**TARIKH** : **30.7.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan Kementerian bahawa prestasi dan pemahaman pelajar sekolah serta di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tidak terjejas selepas penggabungan pelan pendidikan di bawah 2 Kementerian yang telah digabungkan selesai dan dilaksanakan secara menyeluruh

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Salah satu transformasi bagi memantapkan sistem penyesuaian perkhidmatan yang telah dilaksanakan selepas Pilihan Raya Umum ke-13 adalah gabungan fungsi pengajaran modal insan negara melalui penggabungan Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi menjadi Kementerian Pendidikan Malaysia. Melalui penggabungan ini agenda pemerkasaan modal insan akan menjadi lebih berfokus dan berpadu bagi menyahut iltizam Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020. Bagi memastikan penjajaran yang strategik antara sektor pelajaran dan pengajian tinggi, daripada aspek matlamat dan tindakan Kerajaan sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) (PPPM) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi (2007-2020) (PSPTN).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di antara matlamat utama penjajaran ini adalah untuk memastikan perancangan pendidikan negara secara keseluruhan akan bermula daripada peringkat pra-sekolah rendah dan menengah sehingga ke peringkat Pengajian Tinggi. Tindakan ini sedang diambil oleh pelbagai pihak dalam Kementerian seperti Unit Penyampaian PPPM (PADU) dan Pejabat

Pengurusan Program (PMO) serta juga pihak-pihak tertentu di luar Kementerian seperti PEMANDU. Penyelarasan dan penjajaran tindakan akan memberi fokus kepada lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Tindakan memperhalusi kedua-dua pelan tindakan dijangka akan mengambil masa selama enam (6) bulan.

Njm 57



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**  
**TARIKH : 30.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk meningkatkan pengetahuan pelajar dalam sejarah negara khususnya supaya mereka menghargai sejarah dan seterusnya mencintai negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Sejarah penting dipelajari dari usia awal kanak-kanak dan seterusnya ke peringkat yang lebih tinggi. Melalui mata pelajaran ini, diharap mampu melahirkan insan yang sangat memahami sejarah tanah air, bangsa dan pengorbanan pemimpin selaras dengan hasrat negara untuk melahirkan warganegara yang bersemangat patriotik dan rakyat berbilang kaum yang bersatu padu. Kurikulum Sejarah yang sedang dilaksanakan di sekolah bertujuan untuk memupuk dan memperkukuh semangat setia negara dan jati diri sebagai warganegara Malaysia dan warga dunia dalam kalangan murid sekolah melalui pengetahuan dan penghayatan sejarah tanah air dan sejarah negara luar yang berkaitan. Hasrat ini membolehkan murid memahami keadaan masyarakat dan negara serta hubungannya dengan sejarah dunia. Ini bertujuan untuk membina semangat perpaduan dan kekitaan bangsa dan negara Malaysia di samping mewujudkan ingatan bersama terhadap sejarah sebagai rangka rujukan kesedaran kebangsaan dan persefahaman antarabangsa.

Selain itu, kurikulum Sejarah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) diorganisasikan secara bersepadu meliputi pengetahuan, kemahiran dan nilai untuk melahirkan murid yang menghayati, mengamalkan dan seterusnya mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah. Selaras dengan usaha

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan transformasi kurikulum, mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang akan dilaksanakan mulai Tahun 4 di Tahap II pada tahun 2014, dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) pada tahun 2017 akan mengambil kira dapatan dan cadangan Jawatankuasa Khas dalam pengubalan kurikulum Sejarah.

Selain itu, dasar wajib lulus Sejarah Sijil Pelajaran Malaysia mulai 2013 bukan sekadar untuk melihat pencapaian prestasi murid dalam peperiksaan dan penguasaan fakta dalam kandungan buku teks sahaja tetapi sebagai langkah KPM untuk meningkatkan pengetahuan sejarah tanah air di samping memahami keadaan masyarakat serta hubungannya dengan sejarah dunia.

Njm 58

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**  
**TARIKH** : **30.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar yang melanjutkan pelajaran di dalam bidang perubatan di luar negara yang memohon untuk Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) dan berapakah telah diluluskan. Dalam keadaan apakah penerimaan SSLN diperlukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), sehingga 31 Mei 2013, sebanyak 353 daripada 446 permohonan Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 163 SSLN telah diluluskan kepada pelajar yang melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di luar negara.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada Ogos 2003 telah memutuskan supaya Sijil Sokongan Luar Negara (SSLN) atau dikenali sebagai *No Objection Certificate* (NOC) diperkenalkan sebagai mekanisme kawalan bagi mengelakkan daripada berlakunya kemasukan pelajar secara beramai-ramai di institusi pengajian tinggi (IPT) di luar negara seperti yang pernah berlaku di Ukraine pada tahun 2002. Pengeluaran SSLN dilaksanakan mulai kemasukan Sesi Akademik 2003/2004 kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dan diproses dalam masa tempoh tujuh (7) hari bekerja.

SSLN diperkenalkan dengan menetapkan **syarat kelayakan minimum** bagi program ijazah pertama dalam **bidang Perubatan, Pergigian dan Farmasi**, dengan memperoleh sekurang-kurangnya kepujian dalam Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) bagi lima (5) mata pelajaran dengan gred B (Matematik, Matematik Tambahan, Fizik, Kimia dan Biologi) **DAN** memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 3.00 di peringkat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan setaraf, dan bagi bidang pengajian **selain daripada bidang perubatan, pergigian dan farmasi**, syarat kelayakan minimum permohonan SSLN dengan memperoleh sekurang-kurangnya kepujian dalam SPM bagi lima (5) mata pelajaran dengan gred C (bagi mata pelajaran yang berkaitan) **DAN** memperoleh sekurang-kurangnya PNGK 2.00 di peringkat STPM dan setaraf.

Pengeluaran SSLN ini merupakan salah satu cara bagi kawalan pentadbiran dalam menjamin kualiti pelajar yang bakal menuntut di luar negara. Di samping itu, beberapa buah negara luar seperti Rusia dan India telah menerima pakai SSLN sebagai salah satu dokumen sokongan untuk pengeluaran visa pelajar yang ingin melanjutkan pengajian di IPT negara tersebut.

Njm 59

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**  
**TARIKH : 30.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah komitmen Kementerian untuk mewujudkan sistem persekolahan satu aliran bagi membentuk perpaduan selain mewujudkan interaksi berbilang kaum terutama generasi muda di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) berpandangan cadangan untuk memperkenalkan sistem persekolahan satu aliran memerlukan perbincangan yang lebih khusus dan perlu mendapat pandangan dan persetujuan daripada pelbagai pihak. Buat masa ini, KPM masih mengekalkan dasar sedia ada memandangkan penekanan terhadap budaya integrasi nasional dalam pendidikan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang masih relevan.

Penekanan terhadap budaya tersebut bukan hanya tertumpu pada mata pelajaran yang diajar kepada murid, sebaliknya pelbagai aktiviti lain disediakan seperti dalam kelab, persatuan dan badan beruniform; aktiviti sukan dan permainan; serta program-program khusus antaranya Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP), sekolah wawasan, penempatan murid ke sekolah berasrama penuh tanpa mengira negeri kelahiran termasuklah dari Sabah dan Sarawak, dan juga menyediakan kuota kemasukan bumiputera dan bukan bumiputera seperti di Matrikulasi.

Langkah-langkah yang dilakukan oleh Kementerian ini sudah pasti akan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan murid di negara ini.

Njm 60

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**  
**TARIKH : 30.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah kebenaran dakwaan yang mengatakan ramai di kalangan guru menyokong parti pembangkang dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 yang lalu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa peka terhadap guru yang melanggar peraturan pejawat awam termasuk terlibat dalam parti politik tanpa kebenaran Ketua Jabatan. KPM akan melaksanakan siasatan dengan rapi sekiranya terdapat sebarang laporan berkaitan isu tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak mempunyai data bilangan guru yang terlibat dalam parti politik khususnya menyokong parti pembangkang. Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod KPM jumlah guru yang telah meletak jawatan dan bertanding mewakili parti pembangkang adalah seramai 18 orang.

Njm 61

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. PUAN S. BAGIAM A/P AYEM PERUMAL**  
**TARIKH** : **30.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan setelah melonggarkan syarat pembayaran balik PTPTN apakah ada peningkatan dalam pembayaran pinjaman PTPTN. Berapakah jumlah peratus kutipan yang telah diterima setelah kelonggaran syarat pembayaran baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa pembentangan Bajet 2013 pada 28 September 2012, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan beberapa insentif kepada peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di bawah inisiatif mengurangkan kos pembelajaran pelajar seperti berikut:

- Pertama** : Bagi peminjam yang menyelesaikan hutang sekali gus dalam tempoh setahun bermula 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2013, diskaun 20 peratus akan diberikan ke atas baki hutang yang belum diselesaikan oleh peminjam; dan
- Kedua** : Bagi mereka yang membayar pinjaman secara konsisten mengikut jadual mulai 1 Oktober 2012, diskaun 10 peratus setahun akan diberikan.

Sehingga 31 Mei 2013, PTPTN telah meluluskan pembiayaan pendidikan kepada seramai 2.18 juta peminjam dengan amaun peruntukan sebanyak RM49.38 bilion. Bagi tempoh yang sama, seramai 1,284,299 peminjam perlu membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM8.75 bilion. Seramai



866,205 peminjam atau 67.4 peratus telah membuat bayaran balik dengan amaun sebanyak RM4.11 bilion.

Bagi tempoh tersebut juga, seramai 92,754 peminjam telah menjelaskan pembiayaan mereka sepenuhnya melibatkan amaun sebanyak RM 1.51 bilion. Susulan daripada insentif yang ditawarkan tersebut, seramai 37,300 peminjam daripada 92,754 orang peminjam atau 40.21 peratus telah membuat penyelesaian penuh dalam tempoh 1 Oktober 2012 hingga 31 Mei 2013 dengan jumlah selepas diskaun adalah RM 158.0 juta.

Njm 62

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **Y.B. TO' PUAN HAJAH ZAITUN BINTI HAJI  
MAT AMIN**

**TARIKH** : **30.7.2013**

**SOALAN** :

**Y.B. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah langkah Kerajaan menggabungkan Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi mampu membentuk sinergi lebih mantap dalam sistem pembelajaran dan pengajaran serta melahirkan modal insan negara yang lebih berkebolehan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Langkah kerajaan untuk menggabungkan kedua-dua kementerian ini merupakan lambang keprihatinan kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri untuk melihat bidang pendidikan menjadi sebagai peneraju utama dalam membangunkan modal insan negara. Penggabungan ini juga secara langsung akan membolehkan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan diseragamkan secara bersepadu, berpaksikan satu Falsafah Pendidikan Kebangsaan, serta berlandaskan kepada akta-akta pendidikan yang berkaitan.

Pendidikan merupakan agenda utama pembangunan modal insan negara dan pastinya pelbagai intervensi perlu dilakukan untuk meletakkan sistem pendidikan negara ke tahap yang lebih baik. Oleh itu, di bawah transformasi pendidikan yang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat, proses perubahan ini akan merangkumi seawal pendidikan prasekolah hinggalah ke peringkat pengajian tinggi dan pembelajaran sepanjang hayat. Ini dapat diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dan Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSPTN) yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Dengan ini, ia dapat menjana modal insan yang mempunyai pengetahuan, kemahiran berfikir, profisiensi dwibahasa, kemahiran kepimpinan, memiliki

identiti nasional dan etika kerohanian serta mampu menyumbang kepada kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara.

Untuk makluman Ahli Yang terhormat, usaha penyelarasan dan penjajaran semula kini sedang dilaksanakan oleh Kementerian, merangkumi lima (5) perkara utama iaitu akses, kualiti, ekuiti, perpaduan dan kecekapan. Melalui langkah ini transformasi pendidikan akan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan mencapai matlamat negara menjadikan pendidikan bertaraf dunia menjelang tahun 2020.

Njm 63

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATUK HAJI YUNUS BIN HAJI KURUS**  
**TARIKH** : **31.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah cadangan untuk menubuhkan sebuah kolej komuniti di Labuan bagi memenuhi keperluan tenaga mahir dalam pelbagai sektor, memandangkan masih ramai belia-belia yang tidak mempunyai kemahiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan sesebuah kolej komuniti dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan. Buat masa ini, Kementerian belum bercadang untuk menubuhkan kolej komuniti di Labuan di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10). Cadangan untuk menubuhkan kolej komuniti di Labuan akan diberi perhatian dan pertimbangan sewajarnya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kolej Komuniti berdekatan adalah Kolej Komuniti Penampang, Sabah dan Kolej Komuniti Miri, Sarawak.

Njm 64

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**  
**TARIKH** : **31.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan laporan terperinci berkaitan perkembangan prestasi kewujudan 5 buah Sekolah Wawasan di beberapa negeri sejak mula beroperasi sehingga kini dalam mengujudkan integrasi nasional antara kaum di kalangan pelajar sekolah rendah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Konsep Sekolah Wawasan yang kini sedang dipraktikkan, dipandang sebagai salah satu usaha pemimpin negara untuk melahirkan anak bangsa Malaysia yang lebih menghargai dan mencintai perpaduan .

Kerajaan telah menubuhkan Sekolah Wawasan pada tahun 2000 dengan empat (4) matlamat iaitu:

- i. Untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid-murid yang berbagai-bagai bangsa dan latar belakang.
- ii. Untuk memupuk semangat integrasi antara murid daripada pelbagai aliran.
- iii. Untuk melahirkan generasi yang mempunyai sifat toleransi dan persefahaman yang tinggi demi mewujudkan sebuah negara yang bersatu padu.
- iv. Untuk menggalakkan interaksi yang maksimum antara semua warga sekolah melalui perkongsian kemudahan sekolah dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti lain di sekolah.

Merujuk kepada empat (4) matlamat yang disenaraikan, tiga (3) yang pertama lebih kepada integrasi murid. Tiga (3) matlamat ini kerap dikaji pencapaiannya oleh pelbagai pihak.

Sehingga kini hanya enam (6) buah sekolah wawasan yang telah ditubuhkan dan kerajaan tidak berhasrat untuk memperluaskan konsep ini kerana tidak mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada masyarakat Cina. Dalam enam (6) buah sekolah wawasan yang diwujudkan hanya satu (1) sahaja yang dapat penyertaan daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan menilai dan mengkaji secara terperinci berkaitan dengan Integrasi Nasional ini jika Kerajaan berhasrat untuk memperluaskan konsep ini pada masa hadapan.

Kejayaan objektif integrasi kaum di Sekolah Wawasan merupakan sesuatu yang sukar diukur dan dibuktikan melalui kajian semata-mata. Walau bagaimanapun, melalui pemantauan yang dijalankan, KPM berkeyakinan konsep ini dapat mewujudkan integrasi kaum selaras dengan gagasan 1Malaysia. Hal ini dapat dibuktikan dengan penglibatan guru dan pelajar dalam pelbagai aktiviti seperti perhimpunan sekolah, sambutan Hari Guru, sukan sekolah dan sambutan hari-hari kebesaran lain yang melibatkan semua murid dan guru telah menampakkan kerjasama erat antara murid, guru serta ibu bapa bagi ketiga-tiga jenis sekolah (SK, SJKC dan SJKT) tersebut.

Njm 65

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**  
**TARIKH** : **31.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah asrama penuh dan umur pelajar yang boleh didaftarkannya. Berikan jumlah pelajar yang sedang belajar di asrama penuh mengikut jantina dan bangsa di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terdapat 67 buah Sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara. Jumlah murid di SBP terdiri daripada 21,423 orang murid lelaki dan 21,015 orang murid perempuan dengan jumlah keseluruhan murid seramai 42,438 orang. Kemasukan ke SBP adalah pada peringkat Tingkatan Satu, Tingkatan Empat dan Tingkatan Enam. Ini bermaksud murid yang belajar di SBP berumur di antara 13 tahun hingga 19 tahun.

Njm 66

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' SYED IBRAHIM BIN KADER**  
**TARIKH : 31.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Syed Ibrahim bin Kader** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pemberian Baucher Buku 1Malaysia (BB1M) dicadangkan diberi pada penghujung tahun iaitu sebelum bermulanya sesuatu semester dan memanjangkan tempoh sah BB1M dari 3 bulan kepada 6 bulan supaya para penuntut benar-benar mendapat manfaat dari BB1M tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pemberian Baucar Buku 1 Malaysia (BB1M) telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan semasa Pembentangan Belanjawan 2013 pada 28 September 2012 di Parlimen.

Berhubung dengan cadangan untuk memberikan BB1M sebelum semester baru bermula, Kementerian berpandangan perkara ini sukar dilaksanakan disebabkan oleh pihak institut pengajian tinggi awam (IPTA) memerlukan tempoh yang mencukupi untuk mengemas kini data/rekod kemasukan pelajar sebelum dimuktamadkan.

Selain daripada itu, status pelajar sama ada aktif atau tidak bagi melayakkan pemberian BB1M ini hanya dapat dikenal pasti setelah semester baru bermula. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tempoh sah penggunaan BB1M ini telah pun dilanjutkan daripada tiga (3) bulan kepada lima (5) bulan iaitu dari 1 Januari sehingga 31 Mei 2013.

Njm 67



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN HAJI ABDUL SHUKOR BIN MOHD SULTAN**  
**TARIKH** : **31.7.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Tuan Haji Abdul Shukor bin Mohd Sultan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian yakin dasar baru dalam mewajibkan para pelajar lulus mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan SPM mulai 2013 dalam usaha meningkatkan semangat patriotik dan menambahkan rasa cintakan negara mampu mencapai sasarannya ke atas golongan muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Mata pelajaran Sejarah merupakan mata pelajaran teras dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) yang wajib dipelajari oleh semua murid bermula pada tahun 1989 bagi murid di Tingkatan 1 dan seterusnya. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan sejarah negara di samping pemupukan nilai patriotisme bagi membentuk keperibadian yang tinggi dan menanamkan semangat cinta kepada negara.

Kurikulum Sejarah KBSM dirancang dan digubal secara bersepadu iaitu pengetahuan, kemahiran dan nilai. Dari aspek pengetahuan, 70 peratus merupakan sejarah Negara dan 30 peratus adalah sejarah negara luar. Melalui pengetahuan sejarah negara dan sejarah negara luar, murid dapat memahami keadaan perkembangan sejarah Negara dan perkaitannya dengan sejarah dunia.

Hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) agar murid yang dihasilkan oleh sistem pendidikan negara adalah yang mempunyai identiti nasional maka KPM telah mengambil langkah menjadikan mata pelajaran Sejarah sebagai mata

pelajaran wajib lulus di peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) mulai tahun 2013.

Keputusan ini bukan bertujuan membebaskan murid dengan menghafal fakta untuk lulus peperiksaan tetapi sebagai satu usaha yang berterusan untuk menimbulkan jati diri dalam kalangan murid. Fokus pembelajaran sejarah adalah kepada penguasaan pengetahuan, penghayatan, pengamalan dan kemahiran pemikiran sejarah serta pengamalan dan penghayatan patriotisme. Matlamat utama kurikulum sejarah adalah untuk meningkatkan pengetahuan dan keterlibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah.

Njm 68

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK JAMILAH SULAIMAN**  
**TARIKH : 31.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Datuk Jamilah Sulaiman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian tidak berhasrat untuk mengembalikan kuasa kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah untuk proses tender terutama sekali tender-tender yang berkaitan dengan makanan asrama, kawalan keselamatan dan pembersihan sekolah

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara prinsipnya telah memberi kuasa kepada Jabatan Pelajaran Negeri atau Pejabat Pelajaran Daerah untuk menguruskan perolehan bagi projek-projek kecil seperti kerja-kerja penyelenggaraan kecil. Dalam perancangan pengurusan perolehan tender, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah bersama-sama Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset KPM memainkan peranan utama bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan di negeri Sabah dari segi pengiklanan, penerimaan dokumen tender, pembukaan tender dan juga penilaian tender.

Walau bagaimanapun daripada segi pertimbangan perolehan tender, dibuat oleh Lembaga Perolehan KPM yang dilantik oleh Perbendaharaan Malaysia. Oleh itu, KPM akan meneruskan amalan ini, seperti juga di negeri-negeri lain di Malaysia memandangkan perolehan tender bagi perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan pada masa ini telah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan lebih telus.

Njm 69

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' LIM NGET YOON**  
**TARIKH : 31.7.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Lim Nget Yoon** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru yang dilaporkan membuat kenyataan-kenyataan rasis dalam bilik darjah atau pun dalam kawasan sekolah. Apakah tindakan diambil terhadap guru-guru berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan memandang serius terhadap isu yang melibatkan guru-guru yang membuat kenyataan-kenyataan rasis dalam bilik darjah atau pun dalam kawasan sekolah. Selaras dengan Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2010 berhubung Tindakan Tatatertib Terhadap Penjawat Awam Yang Membuat Kenyataan Menyentuh Sensitiviti Kaum dan Agama, semua penjawat awam diingatkan supaya tidak membuat sebarang kenyataan yang secara langsung atau tidak langsung yang boleh ditafsirkan sebagai menghina atau merendah-rendahkan sesuatu kaum dan agama dalam apa juga tujuan dan keadaan. Perbuatan sedemikian boleh diertikan sebagai mencemarkan nama atau imej Perkhidmatan Awam serta tidak bertanggungjawab iaitu melanggar tatakelakuan penjawat awam di bawah peraturan 4(2)(d) dan (g), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Semua agensi kerajaan adalah dikehendaki mengambil tindakan tegas serta-merta ke atas mana-mana anggota agensi yang mengeluarkan kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan agama.

Sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysian (KPM) hanya menerima dua (2) kes guru yang dilaporkan membuat kenyataan-kenyataan rasis dalam bilik darjah atau pun dalam kawasan sekolah. Tindakan yang diambil adalah guru

berkenaan telah diberi teguran dan surat tunjuk sebab untuk tidak mengulangi perkara tersebut.

Njm 70

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI MUHAMAD YUSOF BIN HUSIN**  
**TARIKH : 1.8.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah sekolah yang dikenal pasti menghadapi permasalahan fizikal mengikut negeri di seluruh negara. Dan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat terhadap permasalahan fizikal sekolah di seluruh negara. KPM mempunyai mekanisme "Laporan Audit Fizikal" yang dilakukan secara berterusan bagi mengenalpasti permasalahan fizikal sekolah-sekolah. Berdasarkan laporan ini, KPM merancang program-program penyelenggaraan sekolah mengikut kemampuan kewangan kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Program Audit Fizikal pada Januari 2013 sebanyak 2,338 blok bangunan sekolah mengalami kerosakan teruk dari aspek fizikal, manakala 3,549 blok pula mengalami kerosakan teruk pada sistem pendawaian. KPM telah dan sedang membaik pulih bangunan yang rosak teruk ini supaya selamat didiami secara berperingkat-peringkat.

Njm 71

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**

**TARIKH : 1.8.2013**

**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan dan peratusan kemasukan pelajar mengikut kaum di 23 buah Institut Pengajian Tinggi Awam di negara ini dari tahun 2008-2012. Nyatakan jumlah dan peratusan peningkatan, membabitkan kemasukan pelajar Bumiputera di IPTA dalam tempoh berkenaan. Apakah pendirian Kementerian terhadap saranan Menteri Besar Selangor yang mencadangkan 10 peratus kemasukan ke UiTM dibuka kepada bukan Bumiputera. Sebelum ini, Kementerian juga telah membuka kuota 10 peratus di MRSM dan Matrikulasi kepada bukan Bumiputera

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kemasukan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera di 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) pada tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>BUMIPUTERA</b>	<b>BUKAN BUMIPUTERA</b>
2010	141,429	18,395
2011	159,980	19,882
2012	154,592	18,653

Berdasarkan kepada statistik tersebut, terdapat peningkatan kemasukan pelajar Bumiputera dari tahun 2010 ke tahun 2011 iaitu sebanyak 13 peratus. Walau bagaimanapun, bilangan kemasukan pelajar bumiputera ke IPTA menurun sebanyak 3 peratus pada tahun 2012.

Ahli yang Berhormat, Perkara 1A, Akta Universiti Teknologi MARA (UiTM) 1976 (Akta 173) menjelaskan bahawa UiTM ditubuhkan di bawah Perkara 153

Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, Kementerian mengekalkan perkara-perkara berkaitan UiTM di bawah Akta 173 yang berkuat kuasa.

Njm 72



**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. FIRDAUS BIN HAJI ABDULLAH**  
**TARIKH : 1.8.2013**  
**SOALAN :**

**Y.B. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa semakan semula kurikulum sejarah dalam sistem persekolahan kita memakan masa terlalu lama.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan transformasi kurikulum Sejarah untuk memastikan kurikulum yang akan dilaksanakan adalah bersifat holistik. Transformasi kurikulum yang dibina ini merangkumi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) mata pelajaran Sejarah yang akan diperkenalkan mulai 2014 di Tahap II Tahun 4 dan diteruskan ke sekolah menengah iaitu Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) akan bermula pada tahun 2017. Mata pelajaran Sejarah ini, bertujuan memberikan penekanan kepada pembangunan sahsiah murid di samping pemupukan nilai keperibadian yang tinggi dan dalam usaha melahirkan murid yang bersemangat kewarganegaraan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penggubalan kurikulum mata pelajaran Sejarah mengambil tempoh masa empat (4) tahun yang melibatkan pakar-pakar Sejarah dalam pelbagai bidang dan pelaksana kurikulum. Individu dan pakar adalah terdiri dari pelbagai kaum di Malaysia. Proses ini bermula dengan mengenal pasti keperluan (*need analysis*) yang melibatkan perkongsian idea, pengumpulan maklumat, pandangan dan pendapat pakar sejarah serta masyarakat umum. Proses penggubalan kurikulum yang merangkumi aspek pemetaan, penggubalan, pemantapan, penambahbaikan dan pemurnian dijalankan dalam beberapa mesyuarat dan perbengkelan yang melibatkan pakar

akademik, pelaksana kurikulum dan pegawai di KPM. Kurikulum Sejarah yang digubal akan disemak dan disahkan oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah bagi memastikan hala tuju kurikulum mengikut SOP (*standard operating procedure*) yang telah ditetapkan.

Proses seterusnya adalah mengadakan uji rintis ataupun melaksanakan kurikulum mata pelajaran Sejarah di sekolah-sekolah terpilih bagi memastikan kesesuaian kurikulum tersebut dalam tempoh masa tertentu. Kurikulum mata pelajaran Sejarah akan dibuat penambahbaikan berdasarkan dapatan uji rintis tersebut dan disemak serta disahkan oleh Panel Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah. Seterusnya, proses penterjemahan penulisan buku teks dilaksanakan untuk tujuan percetakan sebelum disebarluaskan di sekolah.

Njm 73

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. DATO' JASPAL SINGH**  
**TARIKH** : **1.8.2013**  
**SOALAN** :

**Y.B. Dato' Jaspal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar India yang telah berdaftar dan melanjutkan pelajarannya di peringkat matrikulasi bagi pengambilan sesi 2012 dan sesi 2013.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 2,096 orang pelajar India telah ditawarkan ke Program Matrikulasi sesi 2012 bagi ambilan pertama pada 25 April 2012 (pendaftaran pada 28 Mei 2012). Ambilan kedua pula pada 7 Jun 2012 dan pendaftaran pada 13 Jun 2012. Manakala ambilan khas pada 11 Julai 2012 dan pendaftaran pada 18 hingga 21 Julai 2012. Walau bagaimanapun hanya seramai 1,170 orang pelajar yang mendaftar di kolej-kolej matrikulasi bagi sesi 2012.

Bagi pengambilan sesi 2013/2014, seramai 1,500 pelajar India ditawarkan ke Program Matrikulasi untuk ambilan pertama yang pendaftarannya pada 27 Mei 2013 dan 350 pelajar lagi telah ditawarkan untuk ambilan kedua yang pendaftarannya pada 12 Jun 2013. Hal ini bermakna seramai **1,850** pelajar India telah ditawarkan ke Program Matrikulasi sesi 2013/2014. Walau bagaimanapun hanya seramai 1,142 pelajar India sahaja yang telah mendaftar pada sesi tersebut.

Njm 74

**DEWAN  
NEGARA  
(SOALAN BERTULIS)**

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN SAIFUL IZHAM BIN RAMLI**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Tuan Saiful Izhah bin Ramli** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perincian serta butiran jumlah peruntukan tahunan dari pihak Kementerian kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi segala bentuk tujuan dan pecahan peruntukan tersebut mengikut intitusi pengajian tinggi tersebut.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Jumlah peruntukan geran mengurus Kerajaan kepada 20 Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM7.275 bilion.

Jumlah peruntukan tersebut ditetapkan semasa perbincangan bersama Kementerian Kewangan dengan mengambil kira:

- i. Emolumen; dan
- ii. Komitmen IPTA yang memerlukan peruntukan seperti penyewaan bangunan untuk IPTA beroperasi dan sebagainya.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN LIHAN JOK**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah kekurangan rumah guru-guru di sekolah pedalaman Sarawak sudah diatasi, khususnya, SK Long Kevok, Baram, Sarawak.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mengambil berat akan keperluan rumah guru di sekolah-sekolah seluruh negara terutamanya di kawasan pedalaman. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Sarawak terdapat sebanyak 84 unit projek rumah guru untuk 30 buah sekolah telah dibina manakala di Parlimen Baram secara khususnya, sebanyak 12 buah sekolah sedang dalam pembinaan rumah guru. Projek-projek ini dilaksanakan secara berpakej bersama projek-projek ubah suai dan naik taraf bangunan yang lain.

Walau bagaimanapun, bagi cadangan pembinaan rumah guru di SK Long Kevok, Baram, pihak Kementerian masih belum menerima sebarang permohonan. Kementerian akan meneliti perkara ini dan memohon peruntukan dalam *Rolling Plan* akan datang sekiranya mempunyai justifikasi yang kukuh.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. TUAN LIHAN JOK

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Tuan Lihan Jok** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah Kolej Komuniti yang ditubuhkan di Sarawak dan berapa lagi yang akan ditubuhkan dalam masa terdekat. Apakah pra-syarat yang dimiliki oleh satu-satu kawasan untuk menubuhkan sebuah Kolej Komuniti

**JAWAPAN**

Penubuhan sesebuah kolej komuniti dibuat berdasarkan kepada keperluan semasa dan kemampuan kewangan Kerajaan. Sehingga kini, terdapat tiga (3) buah kolej komuniti induk dan dua (2) buah kolej komuniti cawangan yang telah beroperasi di Sarawak seperti berikut:

- i. Kolej Komuniti Kuching
- ii. Kolej Komuniti Mas Gading
- iii. Kolej Komuniti Miri
- iv. Kolej Komuniti Cawangan Santubong
- v. Kolej Komuniti Cawangan Betong

Pihak Kementerian juga bercadang untuk menubuhkan dua buah kolej komuniti induk iaitu Kolej Komuniti Sarikei dan Kolej Komuniti Betong di bawah *Rolling Plan* Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) Tahun 2015 tertakluk kepada kelulusan daripada Agensi Pusat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kriteria-kriteria yang diguna pakai pihak Kementerian dalam menentukan kesesuaian penubuhan kolej komuniti di sesuatu kawasan adalah seperti berikut:

- i. Kelulusan perjawatan tenaga pengajar dan sumber manusia untuk menguruskan sesebuah kolej komuniti.
- ii. Mempunyai premis/kawasan yang sesuai untuk penubuhan sesebuah kolej komuniti.

- iii. Mempunyai kemudahan awam dan infrastruktur yang mencukupi seperti pengangkutan awam, bekalan air, bekalan elektrik dan punca telekomunikasi.
- iv. *Feeder school* iaitu pelajar sekolah menengah yang mencukupi dan berterusan bagi memastikan kesinambungan pelajar ke kolej komuniti di kawasan berkenaan.
- v. Premis kolej komuniti perlu berdekatan dengan industri berkaitan kursus yang ditawarkan. Contohnya, jika sesebuah kolej komuniti menawarkan kursus automotif, maka premis kolej komuniti perlu berada dalam lingkungan kawasan industri automotif.
- vi. Mendapat kelulusan peruntukan daripada Agensi Pusat Kerajaan bagi menubuhkan kolej komuniti di kawasan berkenaan.



**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. PUAN HAJAH ROHANI BINTI ABDULLAH**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Puan Hajah Rohani binti Abdullah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah pelajar asing yang sedang mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) bagi peringkat ijazah pertama, sarjana dan doktor falsafah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2012 seramai 24,715 orang pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Daripada jumlah tersebut, seramai 6,455 orang pelajar adalah peringkat Ijazah Sarjana Muda, 8,058 orang pelajar di peringkat Sarjana dan 10,202 orang pelajar di peringkat Doktor Falsafah.

Sehingga 31 Julai 2013, seramai 31,890 orang pelajar antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. Daripada jumlah tersebut, seramai 26,315 orang pelajar di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 4,792 orang pelajar di peringkat Sarjana dan 783 orang pelajar di peringkat Doktor Falsafah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. TO' PUAN HAJAH ZAITUN BINTI  
HAJI MAT AMIN**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah bagi tahun 2011 hingga 2013 dan bilangan dan peratus graduan yang mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan keseluruhan graduan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah ialah seramai 184,770 orang pada tahun 2011 dan 201,011 orang pada tahun 2012.

Daripada jumlah tersebut, berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan IPTA dan IPTS yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia semasa hari konvokesyen, 77.1 peratus graduan telah mendapat pekerjaan pada tahun 2011 dan 73.7 peratus graduan pada tahun 2012.

Bagi tahun 2013, Kajian Pengesanan Graduan IPTA dan IPTS akan dijalankan pada sesi konvokesyen akan datang yang dijangka bermula pada bulan Oktober 2013.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bila versi terakhir Malaysian Education Blueprint yang diumumkan pada September 2012 akan dikemukakan. Pelan ini merupakan suatu rangka untuk menjana pendapat rakyat Malaysia sebelum versi yang muktamad akan dikemukakan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Selepas Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dilancarkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 11 September 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sekali lagi telah mengadakan dialog di enam (6) lokasi untuk mendapatkan pandangan daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk penambahbaikan PPPM. Kementerian juga telah melakukan penambahbaikan terhadap PPPM setelah Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi digabungkan. Laporan akhir akan dilancarkan pada 10 September 2013.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. DR. ARIFFIN BIN S.M. OMAR**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan ini merupakan suatu reformasi sistem pendidikan negara tetapi masih tiada sebarang cadangan terperinci langkah-langkah yang harus dilaksanakan untuk mempertingkatkan mutu pendidikan di Malaysia. Umpamanya Blueprint Pendidikan mengatakan sukatan mata pelajaran sejarah Malaysia akan dikemaskinikan, tetapi tidak menerangkan bagaimana dan apa hala tujunya.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melakukan transformasi kurikulum Sejarah yang akan dilaksanakan pada tahun 2014 untuk sekolah rendah dan tahun 2017 untuk sekolah menengah. Kurikulum Sejarah dirangka dan digubal dengan teliti bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan, penghayatan dan pemahaman Sejarah tanah air yang menyeluruh dan mantap serta mempunyai semangat patriotik yang tinggi. Selain daripada itu, Kurikulum Sejarah yang digubal akan turut mengambil kira input daripada laporan hasil Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah Sekolah Menengah.

Fokus utama organisasi mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), bertujuan memberikan penekanan kepada pembangunan sahsiah murid di samping pemupukan nilai keperibadian yang tinggi dan dalam usaha melahirkan murid yang bersemangat kewarganegaraan. Bagi memantapkan pembelajaran sejarah di sekolah menengah, murid sekolah rendah telah diperkenalkan dengan mata pelajaran Sejarah yang diajar sebagai mata pelajaran khusus bermula pada Tahap II (Tahun 4). Hasrat ini memastikan wujudnya kesinambungan di peringkat sekolah menengah.

Manakala dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), tumpuan diberikan kepada pengetahuan dan pemahaman Sejarah Malaysia, Pembinaan Negara Bangsa dan Sejarah Luar. Aspek sejarah negara luar turut dikaji terutama yang mempunyai kaitan dengan sejarah Malaysia. Aspek ini dimasukkan dengan tujuan supaya murid dapat memahami secara lebih jelas dan menyeluruh tentang sejarah negara kita.

Sehubungan dengan itu, organisasi Kurikulum Sejarah telah dirancang secara teliti dan mantap dari segi kesepaduan dalam pengetahuan, kemahiran dan elemen kewarganegaraan serta patriotik turut diterapkan agar melahirkan murid yang dapat menghayati, mengamalkan dan seterusnya mengambil iktibar daripada peristiwa sejarah.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan hasil penyelidikan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang telah dikomersialkan bagi tempoh 2010 hingga 2013 dan nyatakan punca kebanyakan hasil penyelidikan ini tidak dapat dikomersialkan.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Bilangan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dikomersialkan ialah sebanyak 55 produk pada tahun 2012 dan 96 produk pada tahun 2011. Sementara itu, sehingga tahun 2010, secara kumulatif sebanyak 133 produk R&D telah dikomersialkan oleh Institusi Pengajian Tinggi.

Antara punca hasil R&D IPTA tidak dapat dikomersialkan adalah disebabkan **kurangnya penglibatan industri tempatan** terutamanya Perusahaan Kecil dan Sederhana. Bagi mengatasi masalah ini, beberapa langkah telah diambil seperti berikut:

- i. Mempromosikan hasil R&D IPT melalui aktiviti pameran tempatan seperti PECIPTA, SMIDEX, BIOMALAYSIA dan ITEX.
- ii. Melaksanakan R&D yang memenuhi keperluan industri dan pasaran;
- iii. Mewujudkan *Technology Licensing Office* (TLO) di IPTA bagi membantu dalam pengkomersilan.
- iv. Peranan Syarikat Universiti (*Holdings Company*) dan Syarikat Terbitan Universiti (STU) dalam aktiviti pengkomersilan.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada: Y.B. PUAN ROSLIN BINTI HAJI ABDUL RAHMAN**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Y.B. Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peranan Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) dalam menterjemah dan menerbitkan karya sastera Melayu dan nyatakan bilangan yang telah diterjemah dan diterbitkan khususnya karya-karya oleh Sasterawan Negara.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) sebelum ini dikenal sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) adalah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan pada 14 September 1993. Modal asas ITBM dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) manakala pentadbirannya diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Penaiktarafan ITNM kepada ITBM adalah selaras dengan pengumuman Perdana Menteri Malaysia, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak semasa *Majlis Perasmian Sambutan Jubli Emas 50 Tahun PENA & Perhimpunan Penulis Muda Nasional Kali Ketiga* pada 16 Disember 2011. Penaiktarafan ITBM bertujuan memperkasa dan memperbanyak penerbitan buku karya asli penulis tempatan bagi merancakkan industri perbukuan negara dengan pembahagian 60 peratus fungsi ITBM ditumpukan kepada penterjemahan manakala 40 peratus untuk penerbitan buku karya asli.

Dengan objektif strategiknya, dan berpandukan visi yang dipahat ITBM mengorak langkah menjadi badan penterjemahan terunggul dan penerbit buku berkualiti, serta komited dengan iltizam untuk melaksanakan empat (4) misi utamanya; mengatasi halangan bahasa dalam penyebaran ilmu pengetahuan bagi melahirkan masyarakat maju; memperkaya dan memperkasa kepustakaan berbahasa Melayu sebagai wahana pemikiran bangsa Malaysia;

mengantarabangsakan karya kebangsaan; dan membangunkan modal insan dalam industri penulisan, penterjemahan dan penerbitan buku.

Selaras dengan misi ketiganya iaitu untuk mengantarabangsakan karya kebangsaan, ITBM telah memulakan program penterjemahan karya sastera kebangsaan secara terancang mulai tahun 2008 melalui Projek Penterjemahan 100 Judul Karya Sastera Malaysia. Ia adalah susulan keputusan Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2004 (Sumber Ruj. Cabutan Minit Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri, Kementerian Pelajaran Bil. 4/2005 bertarikh 17 Februari 2005). Projek ini bertujuan memperkenalkan sastera kebangsaan kepada khalayak (pencinta sastera/sarjana/pengkaji/pembaca) serantau dan antarabangsa, selain menarik minat mereka untuk mengkaji dan menghayati persuratan Melayu, khususnya sastera kebangsaan (Malaysia). Melalui projek ini, ITBM mempromosikan sastera Malaysia di peringkat antarabangsa, terutamanya melalui pelbagai pameran buku antarabangsa yang disertai.

Secara dasarnya, ITBM dan sasterawan Malaysia bersetuju untuk menterjemahkan minimum empat (4) karya daripada setiap Sasterawan Negara dan sekurang-kurangnya dua (2) karya daripada setiap penerima Anugerah S.E.A. Write. Selain itu, karya sastera beberapa penulis prolific dan penulis muda turut diterjemahkan. Projek ini dijalankan secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun terakhir Rancangan Malaysia Kesembilan, iaitu bermula tahun 2008 sehingga 2010 dan masih diteruskan hingga kini.

Sejak tahun 2008 hingga kini, ITBM telah berjaya menterjemah dan menerbitkan sebanyak 127 judul buku sastera kebangsaan seperti perincian berikut :-

<b>No.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah Sasterawan/Penulis</b>	<b>Jumlah terbitan</b>
1.	Karya Sasterawan Negara	12 orang	43 judul
2.	Karya Penerima Anugerah S.E.A Write	20 orang	49 judul
3.	Karya Penulis Lain	54 orang	35 judul (termasuk kompilasi kumpulan puisi dan cerpen)



Karya yang diterjemahkan ini terdiri daripada karya sastera kebangsaan dalam genre novel, cerpen, puisi dan drama. Bahasa sasaran terjemahan yang diusahakan adalah bahasa Inggeris, Jerman, Perancis, Sepanyol, Arab, Korea, Mandarin, Rusia, Belanda dan Jepun.

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN NEGARA**

**Pertanyaan Bertulis Daripada : Y.B. DATO' DR. MASHITAH BINTI IBRAHIM**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peruntukan Kerajaan bagi tempoh 2008-2012 yang disalurkan kepada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh dan sekolah agama.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyalurkan peruntukan di bawah Belanja Mengurus daripada tahun 2008 hingga 2012 kepada kepada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SKJT), Sekolah Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat seperti berikut:

<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Jumlah Peruntukan 2008-2012 (RM)</b>
Sekolah Kebangsaan	36,133,915,174.40
SJKC	7,782,540,605.07
SJKT	2,868,329,026.15
Mubaligh	2,374,867,434.00
Agama Rakyat	307,220,706.00